

# e-Buletin

## Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)



Kerja Berpasukan . Prihatin. Penyayang . Profesionalisme

# SIDANG EDITOR

## PENAUNG/ PENASIHAT

:YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor)

## PENGARAH

: PM Ts. Dr. Aini Jaapar

## KETUA EDITOR

:Ts. Dr. Wan Zuraida Wan Mohd Zain

## EDITOR Akademik

: PM Dr. Mazlina Mahdzar  
Ahmad Shahril Azwan Abd Rahim

## Alumni & Promosi

: Rosdiana Abd Razak  
Mohamad Azizi Abd Hazis

## Reka Letak

:Ts. Dr. Ismassabah Ismail  
Nur Atika Syuhada Khairul Anwar

## Teknikal

: Hazira Ahmad  
Norazlina Musa  
Suzainni Selaiman @ Saliman  
Norizam Abu Hassan

## PENYUMBANG ARTIKEL

:Tn. Hj. Zulkafli Mansor  
Tn. Hj. Mulyadi Hj Guliling  
Dr. Nursaadatun Nisak Ahmad  
Ts. Siti Nafisah Md Rashid  
Siti Zaibidah Abdullah  
Suhaiza Hassan  
Mohd Zahid Laton  
Nurain Johar  
Firus Musfirah Poli  
Asmad Mohd Noor  
Mohd Sayuti Md Salleh  
Jamri Awang Besar

# ISI KANDUNGAN

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Dari Meja Pengarah	6
Program Penyerahan Telefon Pintar Kepada 10 Orang Pelajar Pra Diploma Kategori B40 UiTM Pahang	8
Program Ziarah Jakoa (Jabatan Kemajuan Orang Asli) Pahang Oleh Universiti Teknologi MARA Pahang (UiTM) dalam Kembara Promosi Pra Diploma PPT	9
Program Pemantapan Akademik Pelajar Pra Diploma Saing Kampus Muka Anjuran Jawatankuasa UiTM Prihatin Kampus Negeri (Mukah)	10
Motivasi Menghadapi Peperiksaan Pelajar PPT	12
Audit Llyods	13
Taklimat Kemasukan Ke UiTM Untuk Lepasan SPM/STPM	14
Program UiTM Prihatin	15
Lawatan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS Ke PPT	16
Program Food Bank Siswa Anjuran Jabatan Fizik Dengan Kerjasama Unit PPT UiTM Negeri Sembilan	17
Mempromosikan Peluang Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Pra Diploma UiTM Melalui Skim Laluan Atlet	19
Siri Bicara PPT-Youtube Live UiTM	20
Program Bersama Pelajar Tingkatan 6 Rendah	21
Persatuan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Damai, Kuang, Rawang, Selangor	22
Perbincangan Bersama Unit Endowmen UiTM Bil 1	23
Kursus Myportfolio Pejabat PPT	24
Mesyuarat PPT Bersama Semua Koordinator Kampus Cawangan	25
Fasa Penawaran Pra Diploma Sesi 2 2020-2021	26
Perbincangan Bersama Unit Endowmen UiTM Bil 2	27
Perbincangan Permohonan Pra Diploma Secara Online Bersama Dengan Bahagian Pengambilan Pelajar (BPP) Bil 1	28

# ISI KANDUNGAN

Program I Transform U	29
Taklimat Program Pra Diploma UiTM Bersama Pendidikan Negeri Melaka	30
Sembang Santai Bersama SMK Bandar Tasik Kesuma	31
Taklimat Bersama Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan Negeri Perlis	32
Lawatan Muhibbah Pengarah Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur Ybhg Dato' Sri Dr. Irmonizam Ibrahim	33
Kupi Kupi Bersama Koordinator	34
Minggu Edu 5.0 UiTM Cawangan Pulau Pinang	36
Bengkel Pemurnian Pelan Perancangan Strategik 2021-2025 Pejabat Program PPT UiTM Shah Alam	37
Tonton Youtube Live – UiTM Cawangan Kelantan	38
Tonton Youtube Live – UiTM Cawangan Terengganu	39
Memorandum Persefahaman (MOU) Dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang Di Bawah Program Penang Athlete Career Education (Pace)	40
Sesi Perjumpaan Bersama Pengarah PPT Dan Taklimat Penerapan Diploma	41
PPT UiTMCPP Bersama Kaunselor-kaunselor Sekolah Menengah Negeri Pulau Pinang	42
Taklimat PPT Kepada Guru - Guru Kaunselor Negeri Pulau Pinang	43
Pameran Pendidikan Pra Pendidikan Tinggi (PPT) @ Sambutan Hari Guru Negeri Pulau Pinang 2021	44
Program Taklimat Bersama YAPIEM	45
Lawatan Ke Pusat Zakat UiTM Ke Rumah Pelajar	46
Perbincangan Simulasi Permohonan Pra Diploma Secara Online Dengan Bahagian Pengambilan Pelajar (BPP) Bil 2	47
Lawatan Mesra Unit Perkhidmatan OKU Ke PPT	48

# **ISI KANDUNGAN**

Taklimat PPT Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rahmat, Johor Bahru	49
Berita Staf PPT	50
Rakan Strategik PPT	52
Tabung Amanah PPT	53

# DARI MEJA PENGARAH UCAPAN TAHNIAH



Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya kita dapat mengeluarkan penerbitan e-buletin PPT edisi yang kedua. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya mencoretkan sepatah dua kata dalam buletin PPT edisi ini.

Dengan rahmat dan berkatNya juga kita dapat merealisasikan pelbagai program PPT yang bermula pada akhir tahun 2020

sehingga ke pertengahan tahun 2021. Di saat negara kita sedang dilanda pandemik covid-19, ianya adalah satu kejayaan bagi kita kerana dapat melaksanakan aktiviti dan program PPT dengan jayanya.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi atas kejayaan menerbitkan buletin yang sungguh istimewa ini. Segala peristiwa dan kenangan sepanjang tahun ini dapat dirakamkan dan menjadi sumber rujukan dalam sejarah PPT. Saya percaya komitmen yang tinggi dan kerjasama padu daripada warga PPT telah menatijahkan penerbitan buletin ini yang dapat kita tatapi.

Saat pandemik covid-19 ini telah memberikan impak yang besar kepada pelajar-pelajar PPT terutama pelajar daripada keluarga B40. Sehubungan dengan itu, koordinator PPT di semua kampus-kampus UiTM telah mengambil pelbagai langkah yang proaktif dalam membantu meringankan beban pelajar yang terkesan antaranya sumbangan bantuan wang tunai, telefon bimbit, kredit telefon bimbit, komputer riba, komputer riba, agihan makanan *food bank*, motivasi belajar dan lain-lain lagi .

# **DARI MEJA PENGARAH UCAPAN TAHNIAH**

Memasuki tahun 2021 ini, pihak PPT telah menjalankan pelbagai aktiviti dan promosi ke seluruh negeri bagi memperkenalkan program-program yang disediakan untuk calon pra diploma. Penularan wabak ini tidak sama sekali mematahkan semangat kami malah, kami lebih bersemangat dalam merealisasikan segala program, aktiviti dan promosi sepanjang tahun ini.

Kesemua kejayaan yang telah dicapai selama ini adalah daripada hasil usaha dan komitmen dari semua pihak terutamanya koordinator-koordinator PPT dari kesemua 14 cawangan, pensyarah-pensyarah PPT yang mengajar dengan penuh dedikasi serta pihak pengurusan kampus-kampus negeri yang telah bersama-sama membantu dalam proses pembelajaran pelajar-pelajar PPT agar dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Akhir kata, syabas diucapkan kepada semua warga PPT dalam mencapai setiap kejayaan sepanjang tahun in.

Prof Madya Ts Dr Aini Jaapar  
Pengarah PPT  
Mei 2021

# **IMBAUAN PRIHATIN 2020**

## **PROGRAM PENYERAHAN TELEFON PINTAR**

### **KEPADА 10 ORANG PELAJAR PRA DIPLOMA**

### **KATEGORI B40 UITM PAHANG**

Oleh: Mohd Zahid bin Laton



**Koordinator PPT dan mantan Koordinator PPT bergambar bersama lima orang pelajar penerima telefon pintar di Kolej Tok Gajah, UiTM Pahang, Kampus Jengka pada 7 November 2020.**

**TARIKH:** 7 NOVEMBER DAN 8 NOVEMBER 2020  
**TEMPAT:** KOLEJ TOK GAJAH, UITM PAHANG KAMPUS JENGKA

Pandemik COVID19 telah merubah norma biasa kepada norma baru yang perlu di patuhi oleh seluruh negara tanpa ada sebarang pengecualian. Perubahan norma-norma ini juga tidak terkecuali kepada institusi pendidikan samada kerajaan mahupun swasta, samada pendidikan tinggi, menengah mahupun rendah. Demi memastikan para pelajar dapat mengikuti pelajaran dan berkembang selari dengan norma-norma baru, UiTM Pahang melalui unit Pra Pengajian Tinggi telah menguruskan sumbangan telefon pintar daripada seorang ahli perniagaan yang tidak mahu di kenali untuk di sampaikan kepada sepuluh orang pelajar Pra Diploma di bawah program Pra Pengajian Tinggi (PPT).

Telefon pintar yang di maksudkan adalah berjenama Realme model C3 beserta aksesori casing, free-hand stand dan power bank 10,000 mAH. Sumbangan tersebut telah di sampaikan sendiri oleh mantan Koordinator PPT Pahang dan Koordinator Baru PPT Pahang pada 7 November 2020 bersamaan hari sabtu dan Ahad 8 November 2020. Seramai tujuh orang telah menerima melalui serahan tangan di mana lima orang pelajar telah menerima di Kolej Kediaman masing-masing, dua orang lagi pelajar di serahkan dengan secara ziarah koordinator ke rumah pelajar, manakala tiga orang lagi pelajar menerima dengan secara pos. Pihak UiTM sangat berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyumbang telefon pintar berkenaan. Anggaran kos yang telah di sumbangkan oleh penyumbang budiman tersebut adalah sekitar RM5,000.00.



Penyumbang yang budiman tersebut juga berjanji akan memberikan kredit kepada setiap orang pelajar tersebut sebanyak RM50.00 pada bulan yang berikutnya. Dengan adanya sumbangan telefon pintar tersebut pelajar pra diploma yang menghadapi kesukaran untuk belajar di sebabkan ketidaan telefon pintar di harapkan lebih bersemangat untuk menghadapi cabaran yang mendarang akibat situasi COVID19 ini.



# **IMBAUAN PRIHATIN 2020 PROGRAM ZIARAH JAKOA (JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI) PAHANG OLEH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PAHANG (UITM) DALAM KEMBARA PROMOSI PRA DIPLOMA PPT**

Oleh: Mohd Zahid Bin Laton

**TARIKH:** 16 NOVEMBER 2020

**TEMPAT:** UiTM JENGKA, PAHANG

Pada 16 November 2020, Rektor UiTM Pahang, Kampus Jengka Professor Ts Dr Mohd Ilham bin Adenan bersama rombongan UiTM Pahang iaitu Koordinator PPT, Koordinator Korporat dan kaunselor telah berkenan untuk membuat ziarah ke atas Jabatan Kemajuan Orang Asli Pahang. Kehadiran telahpun di sambut mesra oleh Pengarah JAKOA Pahang iaitu En. Johari bin Alwi. Program Ziarah ini adalah bertujuan untuk membincangkan hal-hal pendidikan anak-anak orang asli yang sering ketinggalan di dalam aspek pendidikan di sebabkan berada jauh di pedalaman dan tertinggal dengan arus kemodenan semasa.

Topik perbincangan adalah berkisar kepada program Pra Pengajian Tinggi (PPT) di mana dahulunya di kenali juga dengan Mengubah Destini Anak Orang Asli (MDOA). Menurut Pengarah JAKOA perubahan nama tersebut membawa sedikit kekeliruan kepada anak-anak orang asli di mana mereka merasakan bahawa program PPT ini adalah tidak sama dengan MDOA. Walau bagaimanapun sessi perbincangan di antara Rektor UiTM Pahang dan Pengarah JAKOA telah merungkai serba sedikit kekeliruan tersebut. Di dalam program ziarah tersebut Rektor UiTM Pahang meminta agar Pengarah JAKOA dapat menyebarluaskan program pra pengajian ini kepada semua masyarakat orang asli di dalam negeri Pahang. Di dalam perbincangan tersebut Pengarah JAKOA menekankan bahawa terdapat bantuan kepada anak-anak orang asli yang ingin melanjutkan pengajian di menara gading dan peringkat yang lebih tinggi.

Cabaran yang perlu di hadapi adalah untuk menarik minat anak-anak orang asli ini bagi melanjutkan pengajian di UiTM di masa akan datang.

Program ziarah di akhiri dengan penyerahan plaque UiTM Pahang oleh Rektor UiTM Pahang iaitu Professor Ts Dr Mohd Ilham bin Adenan. Rektor berharap agar kemasukan anak-anak orang asli ke UiTM Pahang akan bertambah terutama di dalam pengajian pra diploma samada Pra Diploma Perdagangan ataupun Pra Diploma Sains.



# **PROGRAM PEMANTAPAN AKADEMIK PELAJAR PRA DIPLOMA SAINS (PD007/008)**

# KAMPUS MUKAH

## **ANJURAN: JAWATANKUASA UITM PRIHATIN KAMPUS NEGERI (MUKAH)**

Oleh: Nurain Johar & Firus Musfirah Poli

**TARIKH : 16 JANUARI 2021**


# **HARI : RABU**

**TEMPAT : ONLINE GOOGLE MEET**

Program Pemantapan Akademik bagi pelajar Pra Diploma Sains (PD007/008) di bawah Pra Pengajian Tinggi (PPT) telah diadakan pada Sabtu, 16 Jan 2021. Program ini yang merupakan salah satu daripada aktiviti yang telah dirancang di bawah Program UiTM Prihatin PPT telah diadakan secara atas talian menggunakan medium *Google Meet* yang melibatkan 36 orang pelajar Pra Diploma Sains (PD007/008) di Kampus Mukah.

Program dimulakan dengan taklimat pengenalan oleh Koordinator PPT Kampus Mukah, Puan Norihan Bujang. Seterusnya, setiap pensyarah bagi setiap kod kursus yang terlibat telah berkongsi tips-tips penting menghadapi peperiksaan termasuklah diberi pendedahan berkaitan teknik pembelajaran berkesan serta kaedah menjawab soalan peperiksaan secara atas talian. Semasa slot kursus CHM083 dan PHY083, Cik Nurain Johar telah menyediakan bahan pembelajaran peta minda bagi setiap topik dan berkongsi kepada para pelajar. Semasa program berjalan, interaksi antara pensyarah dan pelajar dapat dilihat dan pelajar bersemangat menyelesaikan soalan-soalan yang diberi.

Selain itu, Dr Mohamad Izwan Ismail turut berkongsi kepada pelajar berkenaan teknik membuat nota (*Outline Method, Cornell Method* dan *Mind-Mapping Method*) dan cara pembelajaran efektif khususnya untuk kod kursus BIO083 agar dapat diadaptasi oleh pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan. Kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar semasa menjawab soalan peperiksaan turut dikongsi oleh panel pensyarah Puan Tracy Adeline dan Puan Shirley Sinatra sebagai salah satu usaha untuk memastikan pelajar tidak mengulangi kesilapan yang sama bagi kod kursus MAT083 dan MAT086.



Program ini dianjurkan dengan mengambil kira faktor pelajar yang pertama kali menjalani sesi perkuliahan secara *Online Distance Learning* (ODL) dan diharapkan ianya dapat mencapai objektif program iaitu untuk membantu pelajar menguasai kursus-kursus yang ditawarkan di bawah program PPT. Hal ini terbukti apabila untuk sesi peperiksaan semester Okt 2020 – Feb 2021 UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah mencatatkan peratusan 97% pelajar mendapat status Lulus Naik Taraf (LNT) bagi program Pra Diploma Sains. Pelajar-pelajar ini telah ditawarkan ke program penerapan diploma UiTM dalam pelbagai bidang. Pencapaian ini memberikan indikasi yang baik dalam memastikan setiap pelajar di bawah program PPT diberi peluang dan mampu menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

The image contains four screenshots of Google Meet sessions, each displaying a different presentation slide and a grid of participant profiles:

- Top Left Screenshot:** A presentation titled "PERSEDAIAN PERINGKAT AWAL" with a list of preparation steps. The slide includes a pink header and a red footer with the word "CHEMISTRY".
- Top Right Screenshot:** A presentation by Nurain Johar titled "KLINIK AKADEMIK CHM083" featuring a large graphic of a certificate with an "A+" grade.
- Bottom Left Screenshot:** A presentation titled "NOTE-TAKING GUIDELINE" with four green callout boxes labeled "Big Ideas", "Bullet Lists", "Terms & Definition", and "Examples".
- Bottom Right Screenshot:** A presentation titled "Klinik Akademik UTm Prihatin PPT (PHY083)" showing a grid of participants with names like Shirley Sinatra Anak Gran, Dr. Mohamad Izwan Ismail, and Nurain Johar.

# MOTIVASI MENGHADAPI PEPERIKSAAN

## PELAJAR PPT

Oleh: Mohd Zahid bin Laton

TARIKH : 22 JANUARI 2021  
HARI : JUMAAT  
MASA : 3:00 PETANG  
TEMPAT : ONLINE WEBEX



Pada 22 Januari 2021, Unit PPT UiTM Pahang Kampus Jengka telah mengadakan satu forum bertajuk motivasi menghadapi peperiksaan pelajar PPT. Forum ini dikendalikan oleh Mohd Faizal Azrul Azwan bin Muhammad @ Che Harun Pensyarah Kanan sebagai moderator manakala ahlinya terdiri tiga orang bekas pelajar MDAB/PPT iaitu Nuraini Syazniz binti Zulkifli (sedang melanjutkan pengajian Ijazah Perakaunan, UiTM Puncak Alam), Muhammad Ameer Shafri bin Abu Hassan (Alumni UiTM Pahang, Diploma dan Ijazah Sains Sukan), dan Muhammad Iskandar bin Mohd Zin (sedang mengikuti pengajian Diploma Pengajian Perniagaan UiTM Pahang).

Tujuan Program ini di adakan adalah bagi memberikan ruang kepada 3 orang bekas pelajar MDAB/PPT UiTM Pahang untuk berkongsi pengalaman dengan pelajar pra diploma iaitu seramai 405 orang tentang persiapan dan perkara-perkara yang telah mereka lakukan untuk menghadapi peperiksaan.

# AUDIT LLYODS



TARIKH	: 4 – 5 FEBRUARI 2020 (KHAMIS- JUMAAT)
TEMPAT	: (REMOTE ASSESSMENT)
ORANG YANG MELULUSKAN	: ENCIK MOHD RAMLI MOHD DAUD
SKOP AUDIT	: CORPORATE MANAGEMENT OF PUBLIC UNIVERSITY

## MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT

Tarikh	: 4 Februari 2021 (Khamis)
Masa	: 11:00 pagi – 12:00 tengah hari
Pautan	: <a href="https://meet.google.com/qfm-ieip-qvh?hs=122&amp;authuser=1">https://meet.google.com/qfm-ieip-qvh?hs=122&amp;authuser=1</a>

## MESYUARAT PENUTUPAN AUDIT

Tarikh	: 5 Februari 2021 (Jumaat)
Masa	: 4:30 petang – 5:00 petang
Tempat	: <a href="https://meet.google.com/zdf-xxcp-fzt?hs=122&amp;authuser=1">https://meet.google.com/zdf-xxcp-fzt?hs=122&amp;authuser=1</a>

# TAKLIMAT KEMASUKAN KE UITM UNTUK LEPASAN SPM/STPM

Oleh:Tuan Hj Zulkafli Mansor

Tarikh: 4 Februari 2021

Tempat: *Online platform*

Satu sesi taklimat kemasukan ke UiTM telah dijalankan kepada guru-guru kaunselor, pelajar Langkawi, Kubang pasu & Perlis. Taklimat telah disampaikan oleh Koordinator PPT, UiTM Cawangan Perlis



# PROGRAM UITM PRIHATIN

Oleh:Tuan Hj Zulkafli Mansor

Tarikh : 5 FEBRUARI 2021

Tempat : UITM ARAU

Program Prihatin: Agihan makanan untuk semua pelajar PPT yang tinggal di kolej. Turut menerima makanan adalah pelajar diploma & ijazah. Program ini hasil usaha koordinator UiTM Cawangan Perlis, Tuan Hj Zulkafli Mansor bersama pensyarah-pensyarah yang mengajar pra diploma UiTM Perlis. Sebanyak 386 bungkus makanan berjaya diagihkan.



# LAWATAN KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS KE PPT



**TARIKH:** 8 FEBRUARI 2021  
**TEMPAT:** BILIK MESYUARAT  
PEJABAT NAIB  
CANSELOR, ARAS 6  
BANGUNAN CANSELERI  
TUANKU SYED  
SIRAJUDDIN,  
UiTM SHAH ALAM



Satu sesi Perbincangan Mengenai *Franchise Program Pra Diploma* Antara UiTM & PICOMS telah diadakan dengan jayanya pada 8 Februari 2021, 12 hari bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Naib Canselor, Aras 6 Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Perbincangan ini diadakan antara Naib Canselor UiTM Shah Alam; Emeritus Prof. Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor PICOMS; Prof. Dr. Wan Mohd Azizi Wan Sulaiman, Ketua Pegawai Eksekutif ICEPS; Prof.Dr.Azizul Halim Yahya dan Pengarah Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT); Prof.Madya Ts.Dr.Aini Jaapar.



## **PROGRAM FOOD BANK SISWA ANJURAN JABATAN FIZIK DGN KERJASAMA UNIT PPT UITM NEGERI SEMBOLAN**

**Oleh: Ts. Siti Nafisah Md Rashid dan Siti Zaubidah Abdullah**

**TARIKH:** 15 DAN 16 FEBRUARI 2021

**TEMPAT:** UiTM KUALA PILAH

Tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima. Begitulah indahnya agama Islam yang menganjurkan setiap umatnya untuk berusaha mencari rezeki dan berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan, bagi mencapai keberkatan hidup di dunia dan juga akhirat. Dengan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia, ia sedikit sebanyak telah memberi impak dari sudut ekonomi kepada segenap lapisan masyarakat, termasuklah mahasiswa dan mahasiswi di universiti. Sungguhpun begitu, jika dilihat daripada sudut pandangan yang positif, ia telah membuka peluang kepada warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) untuk sama-sama menghulurkan bantuan dan menyantuni golongan yang terkesan dengan pandemik Covid-19 ini.


Seiring dengan agenda program UiTM Prihatin yang telah dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 24 September 2020 yang lalu, Jabatan Fizik dan Sains Bahan dengan kerjasama Unit Pra Pendidikan Tinggi UiTMCNS turut menyahut seruan dengan menganjurkan program Food Bank Siswa bermula pada 1 Februari 2021 sehingga 16 Februari 2021. Program ini melibatkan warga UiTMCNS dalam menghulurkan sumbangan berbentuk wang tunai, bagi meringankan beban kewangan 31 orang pelajar Pra Diploma Sains yang mengikuti kuliah secara

*Open and Distance Learning (ODL)* di kampus Kuala Pilah sepanjang sesi Oktober 2020 – Februari 2021 yang lalu. Melalui inisiatif program ini, sejumlah RM1482.70 telah berjaya dikumpul. Hasil daripada wang sumbangan tersebut telah digunakan untuk beberapa sesi edaran bekalan makanan kepada para pelajar yang terlibat, yang mana kebanyakannya daripada mereka merupakan golongan kumpulan B40.




Sesi agihan pertama telah diadakan di Anjung Seri Perpatih pada 9 Februari 2021, melibatkan 8 orang pensyarah Fizik kampus Kuala Pilah, serta wakil Unit Pengurusan Kolej dan Unit Kesihatan. Majlis penyerahan berjalan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan dengan mengamalkan pemakaian topeng muka dan penjarakan fizikal. Pada sesi pertama ini, sebanyak 31 kit bekalan makanan telah diagihkan kepada para pelajar yang terlibat. Kit bekalan tersebut mengandungi makanan *ready to eat* iaitu biskut, roti, mi segera, minuman 3 dalam 1 serta bijirin oat. Majlis penyampaian kit bekalan ini telah disempurnakan oleh Pn. Allina Nadzri selaku Koordinator Jabatan Fizik dan Sains Bahan. Sesederhana seterusnya telah diadakan pada 15 Februari 2021 dan 16 Februari 2021 iaitu seminggu sebelum penilaian akhir semester diadakan. Pada sesi kali ini, sumbangan yang terkumpul telah digunakan untuk menaja pek makanan tengah hari, pek makanan malam, set hidangan McDonald serta wang saku sebanyak RM5 untuk kegunaan mereka. Sesi agihan tersebut turut disempurnakan oleh Pn. Allina Nadzri dan Cik Nor Fadhlina Jaafar, mewakili Jabatan Fizik dan Sains Bahan.

Melihat kepada raut wajah gembira para pelajar yang terlibat, memberi gambaran bahawa program ini sedikit sebanyak telah dapat meringankan kos perbelanjaan sehari-hari yang ditanggung oleh mereka. Ia juga dapat menyuntik semangat para pelajar tersebut untuk terus berjuang mencapai cita-cita walaupun dalam keadaan pandemik yang membataskan setiap langkah yang dilakukan. Semoga amalan berkongsi rezeki ini dapat diamalkan oleh setiap warga, agar kita menjadi hamba Allah yang sentiasa bersyukur atas segala nikmat pemberian-Nya.



TARIKH :	18 FEBRUARI 2021
HARI :	KHAMIS
MASA :	10:30 PAGI
PAUTAN :	meet.google.com/qdn-seno-uev
PENGANJUR :	PEJABAT PPT
PENGANJUR BERSAMA :	MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN) SEKRETARIAT KERJAYA DAN PENDIDIKAN ATLET MACE
KEHADIRAN :	25 ORANG



Satu sesi taklimat promosi telah diadakan bersama skuad bola sepak MSN. Taklimat ini telah disampaikan bagi mempromosikan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma UiTM melalui skim laluan Atlet dan juga kehadiran Felo Puan Rosdiana serta wakil MSN iaitu Encik Johari

# SIRI BICARA PPT-YOUTUBE LIVE

## UiTM



**TARIKH** : 23 FEBRUARI 2021 (SELASA)

**MASA** : 10:00 PAGI

**TEMPAT** : YOUTUBE LIVE UiTM

Siri bicara PPT bersama Youtube Live UiTM bersama pengarah PPT, Prof Madya Ts. Dr Aini Jaapar. Bersiaran langsung bersama moderator siri bicara PPT, Puan Rosdiana Abd Razak juga merupakan Felo Promosi dan Alumni, Pejabat PPT. Memperkenalkan pejabat PPT dan laluan ke UiTM melalui program pra diploma pelbagai topik dibicarakan dengan objektif untuk memperluaskan lagi pelbagai topik dibicarakan dengan objektif untuk memperluaskan lagi pengenalan topik dibicarakan dengan objektif untuk memperluaskan lagi pengenalan peranan PPT di dalam membantu pengambilan pelajar-pelajar lepasan SPM.

# PROGRAM BERSAMA PELAJAR TINGKATAN 6 RENDAH

Oleh:Tuan Hj Zulkafli Mansor



TARIKH : 24 FEBRUARI 2021 (RABU)

MASA : 9:00 PAGI – 11:00 PAGI

TEMPAT : SMK CHANGLUN KEDAH

Program ini atas jemputan Guru Kaunseling dan Penyelia Tingkatan Enam sekolah untuk memberi penerangan tentang Program Pra Pendidikan Tinggi sebagai pilihan jika pelajar tidak mampu untuk meneruskan pengajian di tingkatan 6. Taklimat dan usaha murni ini telah dijalankan oleh Koordinator UiTM Arau, Tn Hj Zulkafli Mansor.

# PERSATUAN KEBAJIKAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM DAMAI KUANG, RAWANG, SELANGOR



TARIKH	:	26 FEBRUARI 2021
MASA	:	2:45 PETANG
TEMPAT	:	PEJABAT PPT

Lawatan muhibbah ke pejabat PPT oleh pihak persatuan kebajikan rumah anak-anak yatim Damai Kuang, Rawang, Selangor dihadiri oleh Encik Muhammad Syafiq serta Encik Arif. Tujuan lawatan ini adalah bagi membincangkan peluang-peluang kerjasama untuk membantu bekas penghuni-penghuni rumah anak-anak yatim lepasan SPM mengenai hala-tuju arah pembelajaran selanjutnya.





## PERBINCANGAN BERSAMA UNIT ENDOWNMEN UITM BIL 1

TARIKH : 2 MARCH 2021

MASA : 3:45 PETANG

TEMPAT : PEJABAT PPT

Satu sesi perbincangan telah diadakan oleh pihak Unit Endowmen yang diwakili oleh Pengarahnya, Dr Aruam Efendy Mohd Ghazali dan Ketua Governan, Strategi, Kualiti dan Data iaitu Ts. Elmi Alif Azmi. Perbincangan ini telah membicarakan tentang pengenalan dan objektif penubuhan Unit Endowment, berperanan membantu dan mengukuhkan sumber biayaan pembelajaran pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.



## KURSUS MYPORTFOLIO PEJABAT PPT

TARIKH: 2 MAC 2021

TEMPAT: PLATFORM GOOGLE MEET

Pada 2 Mac 2021 bersamaan hari Selasa yang lalu, Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) telah mengadakan kursus MyPortfolio kepada semua staf pentadbiran seramai 5 orang secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet.

Program telah bermula pada jam 9:00 pagi dengan sesi perkenalan staf PPT bersama dengan penceramah iaitu Ts Mohd Rafizi Rahmad (Timbalan Pendaftar Kanan, ILD). Kursus ini telah yang melibatkan staf pentadbiran PPT yang dalam proses untuk memahami perubahan penggunaan Fail Meja kepada MyPortfolio.


## MESYUARAT PPT BERSAMA SEMUA KOORDINATOR KAMPUS CAWANGAN

Mesyuarat Pejabat PPT, UiTM Shah Alam bersama semua koordinator kampus cawangan telah diadakan pada 4 Mac 2021. Mesyuarat yang diketua oleh Pengarah PPT Prof Madya Dr. Aini Jaapar telah membicarakan pelbagai isu pelajar PPT UiTM yang berkenaan dengan Hal Ehwal Pelajar, Hal Ehwal Akademik, Kewangan, Laman Sosial dan Penyelidikan




TARIKH : 4<sup>TH</sup> MAC 2021  
HARI : KHAMIS  
MASA : 10:00 PAGI -  
1:00 TENGAHARI  
TEMPAT : GOOGLE MEET

# FASA PENAWARAN PRA DIPLOMA SESI 2 2020-2021



# PERBINCANGAN BERSAMA UNIT ENDOWMEN UiTM BIL 2



**TARIKH** : **9 MAC 2021  
(SELASA)**  
**MASA** : **10:00 PAGI – 12:00 TENGAHARI**

Perbincangan kerjasama pelan strategik di antara pihak PPT, Unit Endowmen UiTM dan IOI Properties Berhad, Johor telah berlangsung menggunakan platform google meet pada 9 Mac 2021, Selasa. Perancangan berkonsepkan kerjasama menang-menang di antara pihak UiTM dan IOI Properties Berhad, Johor di mana kedua-dua pihak dijangkakan mendapat kebaikan daripada kerjasama ini dengan diwakili oleh pihak IOI Properties Group Berhad iaitu Encik Nor Izuddin Md Kassim dan Encik Chee Siong Loh. Manakala daripada Unit Endowment pula adalah diwakili oleh Dr Aruan Effendy Mohd Ghazali serta Ts. Elmi Alif Azmi. Perbincangan ini adalah bagi menggalakkan konsep membeli harta tanah dan menderma di kalangan staf, keluarga dan alumni UiTM bagi membantu kebajikan pelajar-pelajar UiTM.

## **PERBINCANGAN PERMOHONAN PRA DIPLOMA SECARA ONLINE BERSAMA DENGAN BAHAGIAN PENGAMBILAN PELAJAR (BPP) BIL.1**

**TARIKH : 10 MAC 2021  
MASA : 8:30 PAGI  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT BAHAGIAN PENGAMBILAN PELAJAR**

Ia dipengerusikan oleh Pengarah BPP iaitu Encik Mohamad Faizul Mohd Ruslan. Perbincangan ini dihadiri oleh Pegawai Teknologi Maklumat BPP iaitu Encik Bashiruddin Bin Md Izuddin, Encik Mohd Rafhan Bin Mohd Amin dan Encik Mohd Junaidi Bin Johari. Wakil daripada PPT adalah Pengarah PPT iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Aini Jaapar, Encik Ahmad Shahril Azwan Bin Abd Rahim (Penolong Pendaftar Kanan PPT) dan Dr. Ismassabah Ismail (Felo Teknologi dan Komunikasi PPT).

Rumusan daripada perbincangan ini adalah borang permohonan pra diploma secara online yang dibentang semasa mesyuarat boleh digunakan untuk sesi kemasukan Oktober 2021. Namun begitu, penambahbaikan pada borang akan dilakukan sebelum digunakan sepenuhnya untuk sesi akan datang. Perbincangan seterusnya akan diadakan secara berkala untuk tujuan ini.



# PROGRAM I TRANSFORM U

Oleh: Suhaiza Hassan

PROGRAM	:	I TRANSFORM U-KEMASUKAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UiTM CPP
TARIKH	:	11 MAC 2021
MASA	:	10:00 PAGI-1:00 TENGAHARI
TEMPAT	:	PUSAT KHIDMATAHLI PARLIMEN NIBONG TEBAL

I transform U kemasukan program pendidikan tinggi (PPT) UiTMCPP bertempat di Pusat Khidmat Parlimen Nibong Tebal. YB Zulkifli Ibrahim, ADUN Sungai Acheh turut hadir dalam majlis ini. Program yang diselaraskan oleh YB Dato' Mansor Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi yang juga merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal bersama Kumpulan SiG-HCISE dan RiG-TtDI serta Unit PPT UiTMCPP. Syukur, dapat menyantuni anak-anak remaja/pelajar dan ada yang tampil bersama waris masing-masing bagi mendapatkan penerangan yang lebih jelas serta peluang-peluang yang ada bagi melanjutkan pelajaran ke UiTM. Adakalanya program outreach ini sangat relevan dalam misi pencarian anak-anak yang tercicir dalam pelajaran malah ada yang menyangka tiada lagi peluang untuk maju ke hadapan.

UiTMCPP diwakili oleh Dr Mohd Subri Tahir Ketua Perunding, Pn Suhaiza Hasan, Koordinator PPT , En Zamri Ahmad, Koordinator Unit Komunikasi Korporat, En Azli, Pensyarah Kanan JPP, Ir. Ts. Dr. Samsul Setumin, Pensyarah Kanan FKE dan staf Unit PPT UiTMCPP.



## TAKLIMAT PROGRAM PRA DIPLOMA UiTM BERSAMA PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

TARIKH : 19 MAC 2021  
HARI : JUMAAT  
MASA : 10:00 PAGI– 11:30 PAGI  
TEMPAT : GOOGLE MEET



## **SEMBANG SANTAI BERSAMA SMK BANDAR TASIK KESUMA**

TARIKH	:	19MAC 2021
HARI	:	JUMAAT
MASA	:	9:00 MALAM – 10:00 MALAM
TEMPAT	:	GOOGLE MEET



Mempromosi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pra diploma UiTM kepada murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Tasik Kesuma

## **TAKLIMAT BERSAMA MAJLIS GURU KAUNSELING KEBANGSAAN NEGERI PERLIS**

**TARIKH : 18 MAC 2021**  
**HARI : KHAMIS**  
**MASA : 10:00 PAGI – 11:30 PAGI**  
**TEMPAT : GOOGLE MEET**



Taklimat Program Pra Diploma Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
bersama Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan Negeri Perlis

LIVE! Google Meet  
**TAKLIMAT**  
PRA PENDIDIKAN  
TINGGI UiTM  
**2021**

**18** MAC  
Khamis  
10.00 - 11.30 pagi

Mempromosi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pra diploma UiTM kepada guru-guru kaunseling Negeri Perlis.





**LAWATAN  
MUHIBBAH  
PENGARAH PUSAT  
DAGANGAN DUNIA  
KUALA LUMPUR  
YBHG DATO' SRI  
DR. IRMONIZAM  
IBRAHIM**

**TARIKH** : 19 MAC 2021  
**HARI** : JUMAAT  
**MASA** : 3:30 PETANG  
**PENGANJUR** : PEJABAT PPT  
**KEHADIRAN** : 10 ORANG  
**TEMPAT** : PEJABAT PPT



Lawatan muhibbah YBhg. Dato Sri Dr. Irmonizam, Pengarah, Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur (WTCKL) ke Pejabat PPT. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah UiTM. Tujuan lawatan adalah untuk memperkenal WTCKL dan mengenali PPT yang berada di bawah Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan fungsinya. Pihak PPT mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian beliau menyantuni pejabat PPT.

# KUPI KUPI BERSAMA KOORDINATOR


Oleh: Tn Hj Mulyadi Hj Guliling dan Asmad Mohd Noor

TARIKH	:	22 MAC 2021
HARI	:	ISNIN
TEMPAT	:	UiTMCSH KAMPUS TAWAU
PENGANJUR :		UiTM CAWANGAN SABAH KAMPUS TAWAU



Buat pertama kalinya program ini telah berjaya dilaksanakan pada 22 Mac 2021 pada sesi II 2020/2021. Program ini merupakan inisiatif Tuan Haji Mulyadi Hj. Guliling sebagai Koordinator PPT UiTM Sabah dengan kerjasama Encik Asmad Mohd Noor, Pegawai Eksekutif, Unit Pentadbiran, UiTMCSH Kampus Tawau. Program santai ini mengambil masa lebih kurang 4 jam sesi pembangunan dan motivasi secara percuma diberikan kepada pelajar-pelajar PPT UiTMCSH Kampus Tawau.

“Sekiranya kita hendak sesuatu kita ada seribu jalan, tetapi sekiranya kita tak hendak sesuatu kita akan berikan sejuta alasan”. Demikianlah antara intipati pengisian yang telah dikongsi oleh Tuan Haji Mulyadi Haji Guliling, Koordinator UiTM Kampus Tawau di dalam program tersebut. Beliau selaku Panel kedua telah menyampaikan slot yang bertajuk “Gagal dengan jayanya. Ko Rasa?”



Beliau turut berkongsi gejala pelajar yang gagal di peringkat universiti seperti kesukaran pelajar bangun pagi, tidur lewat malam, tidak berani mencuba dan sering menuding jari ke arah orang lain atas kesilapan diri sendiri. Kesemua petanda ini menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan pelajar di universiti.



Sementara itu, Encik Asmad Mohd Noor selaku panel pertama telah menyampaikan slot “Di mana bah kamu belajar sekarang?”. Melalui slot ini, beliau telah berkongsi kepentingan pelajar untuk mengenal diri sebagai pelajar, sejarah universiti dan mengetahui mengapa UiTM diwujudkan?

Slot ini memberikan kesedaran kepada pelajar akan kepentingan ilmu, nilai-nilai murni dan mewujudkan kematangan pelajar yang berani dan berdaya intelek.

Program tersebut bersiaran melalui platform Google Meet dan dilaksanakan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Program ini telah disertai oleh semua pelajar dan juga staf pentadbiran.

# MINGGU EDU 5.0 UITM

## CAWANGAN PULAU PINANG

TARIKH: 22 HINGGA 26 MAC 2021

Oleh: Suhaiwa Hassan

The image shows two overlapping brochures for the "MINGGU EDU 5.0 UITM CAWANGAN PULAU PINANG" event, dated 22 - 26 Mac 2021.

**Top Brochure Content:**

- Logo:** Universiti Teknologi MARA (UiTM) logo.
- Location:** Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh, Kampus Bertam.
- HEA Logo:** HEA (UITM Cawangan Pulau Pinang).
- Title:** Minggu EDU 5.0  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
22 - 26 Mac 2021
- Topics:** Taklimat "Plagiarism & Academic Dishonesty", Taklimat Pengurusan Akademik Pelajar, Taklimat EDU 5.0, Taklimat MASMED, Perjumpaan Fakulti, Taklimat PTAR, Percubaan Platform ODL, Perjumpaan Rektor & TRHEA, Taklimat i-Learn.
- Sponsors:** MyRA, Premier Digital Tech, and others.
- Tagline:** Menyerlahkan Potensi Memahukan Masa Hadapan.

**Bottom Brochure Content:**

- Dates:** 22 MAC 2021, 23 MAC 2021, 24 MAC 2021, 25 MAC 2021, 26 MAC 2021.
- Activities:**
  - 22 MAC 2021: Pengenalan EDU 5.0, Taklimat Pengurusan Akademik (Pelajar), Taklimat "Plagiarism & Academic Dishonesty".
  - 23 MAC 2021: Perjumpaan Fakulti, Taklimat MASMED.
  - 24 MAC 2021: Taklimat i-Learn, Taklimat Bersama PTAR.
  - 25 MAC 2021: Percubaan Platform ODL Bersama Pensyarah Kursus (Sesi 1), Percubaan Platform ODL Bersama Pensyarah Kursus (Sesi 2).
  - 26 MAC 2021: Taklimat EET, Perjumpaan Bersama Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang & Timb. Rektor HEA.
- Sponsors:** MyRA, Premier Digital Tech, and others.
- Tagline:** Menyerlahkan Potensi Memahukan Masa Hadapan.

# BENGKEL PEMURNIAN PELAN PERANCANGAN STRATEGIK 2021-2025 PEJABAT PROGRAM PPT UiTM SHAH ALAM



TARIKH : 24 MAC 2021

TEMPAT : PEJABAT PRA PENGAJIAN TINGGI, UiTM SHAH ALAM



Seiring dengan pelancaran Pelan Strategik UiTM dengan tujuan utama untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, maka pejabat ini turut terlibat bagi menyediakan dokumen pelan strategik 2021-2025. Maka, satu bengkel pemurnian pelan perancangan strategik bagi pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi telah diadakan pada 24hb Mac 2021 bertempat di bilik mesyuarat PPT, UiTM Shah Alam.

Bengkel ini telah dihadiri oleh ahli pengurusan merangkap jawatankuasa unit perancangan strategik pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi UiTM Shah Alam. Penghasilan dokumen perancangan strategik Program PPT 2021-2025 dibuat berpandukan kerangka Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025). Pejabat program PPT telah mefokuskan kepada lima teras utama dalam menentukan halatuju dan perancangan pejabat program PPT bagi tempoh lima tahun. Lima teras utama bagi pejabat program PPT adalah Pentadbiran, Promosi dan Alumni, Akademik, Penyelidikan dan, Teknologi dan Komunikasi.

# TONTON YOUTUBE LIVE - UITM CAWANGAN KELANTAN

**Oleh: Mohamad Sayuti Bin Md Salleh**

**TARIKH: 27 MAC 2021**

**TEMPAT: YOUTUBE LIVE**

## **TAKLIMAT KEMASUKAN KE UiTM – VERSI MAYA 2021**

Dah habis exam SPM/STPM/Matrix? Dah isi UPU?

Tarikh akhir pemilihan program UPU ialah 31.3.2021 pada jam 5 petang. Sebelum itu jom saksikan ke UiTM-versi MAYA 2021.

Kenapa?

- Bagi mendapatkan maklumat berkaitan peluang melanjutkan pengajian di UiTM
- Nasihat tentang kursus yang sesuai dengan kelayakan bagi memastikan permohonan anda Berjaya. Bila

Sesi soal jawab disediakan menerusi ChatBox Youtube

**TONTON  
YOUTUBE LIVE**  
TAKLIMAT KEMASUKAN KE UiTM - VERSI MAYA 2021  
SALURAN YOUTUBE UiTM CAWANGAN KELANTAN

**PROF. MADYA DR AINI JAAPAR**  
PENGARAH  
PEJABAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI

**TAKLIMAT PENGARAH  
PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI**  
**10.00 PAGI - 10.30 PAGI**

**TONTON  
YOUTUBE LIVE**  
TAKLIMAT KEMASUKAN KE UiTM - VERSI MAYA 2021  
SALURAN YOUTUBE UiTM CAWANGAN KELANTAN  
27 MAC 2021 (SABTU) | 9.00 PAGI - 2.00 PETANG

<b>SLOT 1</b>	<b>SLOT 3</b>	<b>SLOT 5</b>	<b>SLOT 7</b>	<b>SLOT 9</b>
PENGENALAN & UCAPAN ALUAN OLEH REKTOR 9.00 PG - 9.10 PG	TAKLIMAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI 10.00 PG - 10.30 PG	TAKLIMAT FAKULTI PERAKAUNAN 11.00 PG - 11.30 PG	TAKLIMAT FAKULTI UNDANG-UNDANG/FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT/FAKULTI SAINS PENTADBIRAN & PENGAJIAN POLISI 12.00 PG - 12.30 TGH HR	TAKLIMAT AKADEMI PENGAJIAN BAHASA 1.00 PTG - 1.30 PTG
TAKLIMAT BAHAGIAN PENGAMBILAN PELAJAR 9.10 PG - 10.00 PG	TAKLIMAT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA 10.30 PG - 11.00 PG	TAKLIMAT FAKULTI SAINS KOMPUTER & MATEMATIK 11.30 PG - 12.00 TGH HR	TAKLIMAT FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN 12.30 TGH HR - 1.00 PTG	TAKLIMAT AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI 1.30 PTG - 2.00 PTG
<b>SLOT 2</b> <b>SLOT 4</b> <b>SLOT 6</b> <b>SLOT 8</b> <b>SLOT 10</b>				

Tentang  
UiTM Komuniti Korporat  
UiTM Cawangan Kelantan | [www.uitm.edu.my](#) | [UITM Kelantan](#)



## TONTON YOUTUBE LIVE - UiTM CAWANGAN TERENGGANU

#dengardulubarupilih

Oleh: Jamri Awang Besar

**TARIKH : 28 MAC 2021**  
**TEMPAT : YOUTUBE LIVE**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN PULAU PINANG DI BAWAH PROGRAM PENANG ATHELETE CAREER EDUCATION (PACE)

Oleh: Suhaiza Hassan



TARIKH : 30 MAC 2021

TEMPAT : KOMTAR, GEORGE  
PULAU PINANG

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang di bawah program Penang Athlete Career Education (PACE).



MoU ditandatangani oleh Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua dan Timbalan Rektor UiTM Pulau Pinang (Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Ahmad Rashidy Razali serta disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar dan Rektor UiTM, Prof. Dr. Salmiah Kasolang serta Timbalan Rektor (Bahagian Hal Ehwal Pelajar) UiTM Cawangan Pulau Pinang, Ts. Dr. Mohd. Rozaiman Aziz.

Jalinan kerjasama yang bertujuan menyediakan laluan khas kepada para atlet di negeri adalah melalui program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di UiTM. Beliau berkata, di samping aktiviti ekonomi dan juga pembangunan, bidang sukan juga merupakan keutamaan Kerajaan Negeri. PACE merupakan platform nilai tambah yang menyokong hasrat dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi dan berdaya saing dalam sukan mahupun akademik serta membina laluan kerjaya yang baik kepada para atlet. Beliau berkata, atlet akan diberi masa enam bulan untuk menghabiskan pengajian di peringkat sijil sebelum ditawarkan pengajian peringkat diploma sekiranya keputusan peperiksaan adalah memberangsangkan.

Menurut Prof Dr. Salmiah, "Melihat masalah keciciran akademik dan kelangsungan hidup yang tidak dicapai oleh bekas atlet di negara ini, kita mahu pastikan bahawa masalah ini tidak lagi timbul dalam masa lima atau 10 tahun akan datang. "Kita mahu atlet mempunyai latar belakang pengajian yang bukan sahaja boleh mendatangkan manfaat kepadanya sebaliknya dapat membantu orang lain," ujarnya lagi.

Sementara itu, Harry Chai menjelaskan bahawa pemeteraian MoU tersebut membolehkan MSNPP menggunakan kemahiran daripada pihak UiTM untuk memimpin atlet-atlet negeri Pulau Pinang dalam bidang pendidikan.

# SESI PERJUMPAAN BERSAMA PENGARAH PPT DAN TAKLIMAT PENERAPAN DIPLOMA



TARIKH	:	7 APRIL 2021
HARI	:	RABU
MASA	:	3:00 PETANG – 6:00 PETANG
TEMPAT	:	LIVE WEBEX
PENGANJUR :	:	PEJABAT PPT
KEHADIRAN :	:	180 ORANG

Sesi pengenalan pengarah PPT bersama pelajar-pelajar pra diploma ambilan Mac 2021. Turut diadakan taklimat prosedur proses penerapan ke program Diploma. Program diakhiri dengan sesi soal jawab

# PPT UiTMCPP BERSAMA KAUNSELOR-KAUNSELOR SEKOLAH MENENGAH

## NEGERI PULAU PINANG

Oleh: Suhaiza Hassan

**TARIKH** : **7 APRIL 2021**


**TEMPAT** : **HOTEL UITM CAWANGAN PULAU PINANG**

Program yg julung kali diadakan, pertama kali dilaksanakan, berjaya dijalankan sebagai pencetus momentum untuk mempromosikan program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di Pulau Pinang. Langkah bermula dengan menyantuni & memberi taklimat khas kepada semua kaunselor sekolah menengah negeri Pulau Pinang telah berjaya diadakan di Dewan Hotel UiTM Cawangan Pulau Pinang bersempena sambutan Hari Guru peringkat Negeri Pulau Pinang bagi edisi 2021. Objektif utama sesi taklimat khas ini adalah untuk mempromosikan Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di UiTMCPP kepada semua sekolah menerusi guru-guru kaunseling dengan lebih terperinci tentang peluang dan syarat kemasukan ke UiTM khususnya syarat program pra diploma serta menjalankan kerjasama rakan strategik dengan setiap sekolah menengah di negeri Pulau Pinang.

Taklimat Berkaitan Program PPT telah disampaikan oleh Yang Berusaha Pn Suhaiza Hassan, Koordinator Pra Pendidikan Tinggi, Bahagian Hal Ehwal Akademik,UiTM Cawangan Pulau Pinang. Di akhir sesi taklimat, watikah pelantikan sebagai Rakan Strategik PPT UiTMCPP telah diberikan kepada semua Guru Kaunseling yang hadir sebagai tanda jalinan hubungan strategik dengan setiap Sekolah. Watikah telah disampaikan oleh Yang Berusaha Prof Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik Dan Antarabangsa, Uitm Cawangan Pulau Pinang. Sesi ini diserikan dengan kehadiran Yang Berbahagia Dato Dr Subra Timbalan Penggerak Ibu Bapa Komuniti (PIBKS) Negeri Pulau Pinang, Yang Berusaha Encik Mohd Zakaria Zain Ketua Penolong Pengarah, Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Yang Berusaha Encik Mohd Fashan Bin Ishak Penolong Pengarah Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Yang Berusaha Puan Hajah Che Norliah Penolong Pengarah Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang




# TAKLIMAT PPT KEPADA GURU-GURU KAUNSELOR NEGERI PULAU PINANG



MASA : 2:30 PETANG – 4:30 PETANG  
TEMPAT : LIVE FACEBOOK

**Taklimat PPT kepada guru-guru kaunselor Negeri Pulau Pinang 2.30pm - 4.30pm serta live Facebook. Bertempat di Dewan Hotel UiTMCPP sahaja**



## PAMERAN PENDIDIKAN PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) @ SAMBUTAN HARI GURU NEGERI PULAU PINANG 2021

Oleh: Suhaiza Hassan

TARIKH : 8 APRIL 2021  
HARI : KHAMIS



Misi mempromosikan program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) diteruskan di Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang bersempena sambutan Hari Guru peringkat Negeri Pulau Pinang bagi edisi 2021. Peluang ini diguna sebaik mungkin oleh Unit PPT UiTMCPP mengedarkan brochure, borang dan info-info penting kepada semua guru yang hadir di majlis ini.

Sambutan Hari Guru peringkat negeri Pulau Pinang ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan yang telah dilaksanakan dengan penuh meriah dan kepatuhan kepada SOP bagi memastikan tiada penularan wabak covid-19.



## PROGRAM TAKLIMAT BERSAMA YAPIEM

Oleh: Dr Nursaadatun Nisak Ahmad

YAPEIM merupakan institusi yang membiayai kewangannya sendiri (*selfsustained*) dan institusi pembangunan sosio ekonomi ummah, maka untuk terus kekal relevan dalam menantuni masyarakat serta terus mempertingkatkan ketaklimsejahteraan ummah dengan tagline *#InginKebajikanInginYaPEIM* terus mempamerkan keprihatinan yang tinggi ke arah memperkuuhkan usaha dan merealisasikan pembangunan dan mensejahterakan ummah dengan pelaksanaan tiga(3) inisiatif utama iaitu kebajikan, sosioekonomi dan keusahawanan di bawah teras pembangunan sosioekonomi dan amal jariah. Sehubungan itu, banyak peluang terbuka kepada masyarakat setempat untuk memohon bantuan berupa kewangan, perubatan, pendidikan, perniagaan dan banyak lagi yang disediakan oleh pihak YaPEIM. Sungguhpun begitu, masih kurang kesedaran dan pengetahuan pihak tertentu mengenai kelebihan dan peluang yang ditawarkan ini. Justeru, Unit Pra Pengajian Tinggi (PPT), di bawah program FPP UiTM dibawah inisiatif koordinatornya Dr Nursaadatun Nisak Ahmad telah mengadakan satu sesi taklimat yang menjelaskan tentang peluang dan bantuan yang boleh disalurkan kepada para pelajar dan warga FPP terutamanya. Di samping menggalakkan warga Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) untuk turut menyumbang kembali kepada pihak YaPEIM melalui potongan gaji serendah RM10.00 bagi setiap individu. Taklimat ini telah disampaikan oleh Tn Hj Mohamad Zamri (Pengarah Kanan, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Operasi) serta Wakil Pusat Pentadbiran YaPEIM Negeri Selangor, Che Nor Azila Bt Che Ghani, Pemangku Pengurus Negeri, Yaacob Alias, Ketua Penyelaras Sumber YaPEIM Selangor, wakil Unit Komuniti YaPEIM Selangor, Mohd Firdaus Muhammad. Taklimat ini juga dihadiri dan dibuka dengan kata aluan dari Dekan FPP (Prof Dr. Noryati Ahmad) serta Pengarah PPT, PM Dr Aini Jaapar dan wakil-wakil dari PPT.

# PROGRAM PENYANTUNAN PPT BERSAMA PUSAT ZAKAT UiTM KE RUMAH PELAJAR PPT

Pada bulan April yang lalu, pihak UiTM diwakili oleh Pengarah zakat UiTM (ZAWAF) dan staf beliau telah melawat seorang pelajar PPT serta ahli keluarganya di rumah kediaman beliau. Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat keadaan beliau serta ahli keluarganya. Pihak UiTM dengan seikhlas hati telah memberikan pelbagai bantuan dari segi wang tunai dan barang makanan. Pihak UiTM juga memberikan sebentuk wang tunai iaitu eluan daripada bantuan PPT untuk pelajar-pelajar golongan B40. Bantuan ini adalah bertujuan bagi meringankan beban untuk pelajar tersebut serta ahli keluarganya. Beliau dan ahli keluarganya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam misi bantuan ini.



## **PERBINCANGAN SIMULASI PERMOHONAN PRA DIPLOMA SECARA ONLINE DENGAN BAHAGIAN PENGAMBILAN PELAJAR (BPP), BIL 2**

**TARIKH : 8 APRIL 2021**  
**MASA : 8:30 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT BAHAGIAN PENGAMBILAN PELAJAR**

Perbincangan ini diadakan pada 8 April 2021, 8.30 pagi di Bilik Mesyuarat BPP. Ia dipengerusikan oleh Pegawai Teknologi Maklumat BPP iaitu Encik Mohd Rafhan Bin Mohd Amin. Ia juga dihadiri oleh Encik Bashiruddin Bin Md Izuddin dan Encik Mohd Junaidi Bin Johari, Pegawai Teknologi Maklumat daripada BPP. Wakil daripada PPT adalah Prof Madya Dr. Mazlina Binti Mahdzar (Ketua Unit Akademik PPT), Encik Ahmad Shahril Azwan Bin Abd Rahim (Penolong Pendaftar Kanan PPT), Ts. Dr. Ismassabah Ismail (Felo Teknologi dan Komunikasi PPT) dan Encik Encik Mohamad Azizi Bin Abdul Hazis (Pegawai Eksekutif PPT).


Simulasi telah berjaya dilakukan dengan beberapa penambahbaikan kepada borang permohonan secara online. Penambahbaikan tersebut telah dilampirkan ke dalam laporan minit perbincangan untuk Tindakan BPP yang seterusnya.



# LAWATAN MESRA UNIT PERKHIDMATAN OKU KE PPT



TARIKH : 13 APRIL 2021  
HARI : SELASA  
MASA : 10:00 PAGI



Lawatan muhibbah Ts. Dr. Roslinda Alias, Pengarah, Unit Perkhidmatan OKU (UPO) ke Pejabat PPT. Tujuan lawatan adalah untuk memperkenal UPO dan mengenali PPT dan fungsinya serta melihat potensi kerjasama yang boleh dilakukan.

# TAKLIMAT PPT BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI RAHMAT, JOHOR BAHRU



TARIKH	:	15 APRIL 2021
HARI	:	KHAMIS
MASA	:	10:00 PAGI – 11:30 PAGI
TEMPAT	:	GOOGLE MEET
PENGANJUR	:	
BERSAMA	:	SEKOLAH MENENGAH SRI RAHMAT, JOHOR BAHRU

# **BERITA STAF PPT**

## **STAFF PPT YANG MENAMATKAN PERKHIDMATAN**

### **UiTM MUKAH, SARAWAK**

- I. PUAN NORIHAM BUJANG.

### **UiTM PERLIS**

- I. TUAN HAJI ZULKAFLI MANSOR

## **STAFF PPT YANG BARU DILANTIK PERKHIDMATAN**

### **UiTM PERLIS**

- I. ENCIK WAN MOHD YASEER MOHD ABDOH

### **UiTM MUKAH, SARAWAK**

- I. NUR NADIA QAUSAR JUHARI

### **UiTM JENGKA**

- I. ENCIK MOHD ZAHID LATON

### **UiTM Shah Alam**


#### **PELAJAR PRAKTIKAL DI PEJABAT PPT**

- I. NUR ATIKA SYUHADA BINTI KHAIRUL ANWAR
- II. MUHAMMAD AKRAM BIN RAHMAN

## **STAF PPT YANG BERPINDAH**

### **UiTM SHAH ALAM**

- I. ENCIK NORIZAM ABU HASSAN (Staf pinjaman)



# BERITA STAF PPT

## **UCAPAN TAHNIAH**

Tahniah kepada Felo Penyelidikan, Ts. Dr Wan Zuraida dan Felo Teknologi Dan Komunikasi, Ts. Dr Ismassabah diatas penganugerahan daripada MBOT dengan gelaran Technologist Profesional (Ts) berkuatkuasa pada 29 dan 31 Mac 2021.

## **UCAPAN TAKZIAH**

Pada Encik Suzainni Selaiman@Saliman, Pembantu Operasi Kanan, Staf UiTM Shah Alam telah kehilangan Ibu yang tercinta. Semoga arwah Ibu beliau ditempatkan bersama golongan yang beriman.

Al-fatihah

# RAKAN STRATEGIK PPT



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian  
Pengambilan Pelajar



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian  
Zakat, Sedekah  
dan Wakaf

**iCEPS**  
INSTITUTE OF CONTINUING  
EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES



YAYASAN

**JAKOA**  
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

# TABUNG AMANAH PPT

Sumbangan melalui sistem Fine e-Pay

<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AA/05/33>

## Jom Menyumbang Kepada Pelajar Pra Diploma B40

Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT), UiTM telah memberi peluang pendidikan kepada lebih **43,000** pelajar B40. Sebahagian mereka telah berjaya menyambung dan menamatkan pengajian di peringkat Diploma, Ijazah dan Pasca Siswazah.

Akaun Bank:



**105140003422**  
Bendahari UiTM

Potongan Gaji  
Warga UiTM:

**Fin ePortal**  
[myfinancial.uitm.edu.my](http://myfinancial.uitm.edu.my)

Tabung Amanah  
Pra Pendidikan Tinggi

**Fin ePay**



\*Sumbangan anda layak untuk pengecualian cukai

**Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)**

Kompleks Antarabangsa  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5521 1443/1448  
Fax: 03-5543 7969

# PRA DIPLOMA SAINS ALIRAN STEM C & SASTERA



## SYARAT KEMASUKAN



### SYARAT AM UNIVERSITI

- Lulus SPM atau yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat **minimum 3 kredit / kepujian** termasuk Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah (Digunakan sejak SPM 2013)



### SYARAT KHAS PROGRAM

- Kepujian Matematik/Matematik Tambahan
- Lulus Bahasa Inggeris
- Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam mata pelajaran Sains



### KATEGORI PERMOHONAN

- AS002** - Kategori Pemohon B40
- AS003** - Kategori Pemohon Bukan B40



## KAMPUS TAWAR

- UiTM Negeri Sembilan (Kuala Pilah)
- UiTM Perlis (Arau)
- UiTM Pulau Pinang (Permatang Pauh)
- UiTM Pahang (Jengka)
- UiTM Terengganu (Bukit Besi)
- UiTM Sarawak (Mukah)
- UiTM Sabah (Tawau)
- UiTM Johor (Pasir Gudang)

## SUBJEK / KURSUS

Tempoh Pengajian: 2 Semester (1 Tahun)

Semester 1

Kod Kursus	Subjek
ELC010	English for Pre Diploma I
CHM081	Chemistry I
PHY081	Physics I
MAT081	Mathematics I (Basic)
UED102	Study Skills
*BIO081	Biology I
*MAT084	Mathematics II (Basic)

Semester 2

Kod Kursus	Subjek
ELC020	English for Pre Diploma II
CHM082	Chemistry II
PHY082	Physics II
MAT082	Mathematics I (Intermediate)
*BIO082	Biology II
*MAT085	Mathematics II (Further)

\*Subjek Elektif

**1**

### NO PIN

Emel butiran (Nama, No. MyKad, No. Telefon) untuk mendapatkan no pin kepada

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)



**2**

### BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan

[online.uitm.edu.my/ppt](http://online.uitm.edu.my/ppt)



**3**

### DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)





# PRA DIPLOMA AGROTEKNOLOGI



## SYARAT KEMASUKAN

- Lulus SPM atau yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minimum 3 kredit / kepujian termasuk Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah (Digunakan sejak SPM 2013)
- Lulus Matematik/Matematik Tambahan
- Lulus Bahasa Inggeris
- Lulus 1 daripada mana-mana mata pelajaran berikut:
  - Pertanian / Fizik / Kimia / Biologi / Sains / Sains Tambahan / Ekonomi / Perniagaan / Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan
- Kategori Permohonan
  - AT001 - Kategori Pemohon B40
  - AT002 - Kategori Pemohon Bukan B40

## SUBJEK / KURSUS

Kod Kursus	Subjek
ELC010	Bahasa Inggeris Pra Diploma 1
MAT083	Matematik Asas untuk Pra Sains
AGR042	Asas Agroteknologi
AGR022	Asas Sains Tumbuhan
AQU007	Asas Sains Akuakultur
UED102	Study Skills

Tempoh Pengajian: 1 Semester (6 Bulan)

## TATACARA PERMOHONAN

1

### NO PIN

Emel butiran (Nama, No. MyKad, No. Telefon) untuk mendapatkan no pin kepada

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)  
[ppttawau@uitm.edu.my](mailto:ppttawau@uitm.edu.my)

2

### BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan

[online.uitm.edu.my/ppt](http://online.uitm.edu.my/ppt)

3

### DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)  
[ppttawau@uitm.edu.my](mailto:ppttawau@uitm.edu.my)

Pejabat Pra Pendidikan Tinggi (PPT) merupakan salah satu jabatan di Bahagian Hal Ehwal Akademik Antarabangsa (BHEA) UiTM dan secara langsungnya berperanan menjalankan fungsi tanggungjawab sosial UiTM untuk menguruskan pengambilan pelajar di peringkat Pra Diploma UiTM untuk kategori B40 dan bukan B40. Program PPT merupakan laluan khas kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak memenuhi syarat asas untuk meneruskan pengajian di universiti awam untuk meneruskan pengajian di UiTM dan *feeder* ke program diploma UiTM. Setelah tamat menjalani program pra, para pelajar ini akan diserapkan ke pengajian di peringkat Diploma di Fakulti pilihan pelajar di UiTM. Calon-calon pelajar bagi program PPT adalah mereka yang terdiri daripada anak Melayu, anak Negeri Sarawak, anak Negeri Sabah, anak Orang Asli dan laluan khas atlet.

**MAKLUMAT LANJUT:****Sidang Editor**

Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)

Kompleks Antarabangsa

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan



+603 5521 1443 / 1448 / 1449



<https://pppt.uitm.edu.my>



+603 5543 7969



PPT UiTM Pejabat Pengarah



[pppt@uitm.edu.my](mailto:pppt@uitm.edu.my)



@pptuitm

ISSN 2773-6016



©PPT 2021 | Jilid 2/2021 (April)

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any forms or by any means, including photocopying and recording, without the written permission of the copyright holder, application for which should be addressed to the publisher. Such written permission must also be obtained before any part of this publication is restored in a retrieval system of any nature.

9 7 7 2 7 7 3 6 0 1 0 0 5